

25/09/1998

Kegawatan lebih beri manfaat

Pena Utara

NEGARA kita sudah mengalami kegawatan ekonomi lebih kurang setahun. Kegawatan bukanlah pertama kali terjadi Sebelum ini negara kita mengalami kemelesetan ekonomi pada 1972 dan 1985 sebelum pulih beberapa tahun berikutnya.

Sebenarnya kita semua dan pemimpin negara tidaklah panik dan gusar akan masalah kegawatan kerana bijak menaganinya dengan mengambil beberapa langkah positif.

Perdana Menteri tidak pernah letih melawat seluruh negara menerangkan mengenai kegawatan ekonomi dan langkah yang patut diambil untuk mengatasinya. Syukur, ketika ini hanya tinggal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad saja di antara pemimpin negara di timur yang dapat bertahan menangani kegawatan ekonomi di negara ini.

Beberapa pemimpin negara lain seperti Indonesia, Thailand Jepun dan Korea Selatan terpaksa tunduk kepada Barat melalui kuasa ekonomi (kuasa wang).

Sebenarnya, bagi pemimpin yang bijak, kegawatan ini adalah satu peluang terbaik untuk kita membuat duit untuk negara. Di antara langkah yang diambil ialah mengeksport barangan tempatan seperti makanan, kenderaan, tekstil, peralatan elektrik dan lain-lain ke negara yang tidak mengalami kegawatan ekonomi atau pun negara maju.

Sebenarnya nilai barangan tempatan akan menjadi lebih kompetitif dan murah terhadap pasaran mereka. Apa yang penting ialah meningkatkan lagi eksport berbanding import, kurangkan perbelanjaan membazir, tambahkan tabungan dan rancakkan perniagaan termasuk secara kecil-kecilan. Mengikut teori, pengganda dalam ekonomi akan berlaku apabila satu pendapatan diperolehi dan menggandakannya sebanyak empat kali dalam pusingannya.

Bagi syarikat dan sektor swasta yang tenat, usaha untuk menyelamatkan hendaklah dilakukan dengan pengambilalihan oleh pihak yang mempunyai sumber atau bergabung dengan syarikat lebih besar dan teguh.

Kegiatan bumi hijau juga mesti diigalakkan termasuk kempen membeli barangan tempatan, promosi pelancongan dalam negeri untuk rakyat tempatan dan luar negara. Sebenarnya kegawatan ini adalah satu ujian daripada Allah kepada hambaNya, begitu juga ketika ekonomi memberangsangkan. Kita sebagai umatNya hendaklah berusaha, bersabar dan bertawakal, nescaya akan diberi hidayat.